

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**RUJUKAN : BL2 [PR-1331-T66458]**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah burung terkini di Taman Burung Kuala Lumpur mengikut jenis dan juga jumlah rama-rama terkini di Taman Rama-Rama Kuala Lumpur mengikut jenis spesis, statistik jumlah pelancongan ke dua-dua taman tersebut dan kos yang ditelan mengikut tahun sejak 2011 dan punca utama ke dua-dua taman itu bukan lagi tarikan pelancongan tempatan mahupun asing.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, Taman Burung Kuala Lumpur dan Taman Rama-Rama Kuala Lumpur telah dipajakkan kepada operator swasta bagi tujuan pengurusan dan penyelenggaraan. Sehingga Januari 2015, jumlah burung yang terdapat di Taman Burung Kuala Lumpur adalah sebanyak 2,423 ekor yang terdiri daripada 138 spesis. Manakala jumlah rama-rama pula adalah sebanyak 5,000 hingga 5,500 ekor terdiri daripada 50 spesis.

Bagi statistik pengunjung dari dalam dan luar negara dari tahun 2011 hingga 2014, Taman Burung Kuala Lumpur telah menerima 1,580,927 pengunjung manakala Taman Rama-Rama pula seramai 577,490 pengunjung. Kos penyelenggaraan bagi kedua-dua taman tersebut ditanggung sepenuhnya oleh operator yang memajak taman-taman tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Wilayah Persekutuan masih melihat kedua-dua taman ini sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan yang utama selepas mengambil kira kepelbagaian minat serta kecenderungan pelancong dalam dan luar negara terhadap lokasi pelancongan yang dipilih khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur. Justeru, tidak timbul isu Taman Burung dan Taman Rama-Rama Kuala Lumpur bukan lagi menjadi tarikan pelancongan di Kuala Lumpur.

**SOALAN ( 293 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG  
[ SEGAMBUT ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah tandas awam di bawah bidang kuasa kerajaan pusat dan juga pihak berkuasa tempatan (PBT) mengikut negeri dan berapakah jumlah yang mendapat penarafan 5 bintang. Logik pengambilalihan aktiviti pembersihan tandas awam PBT mulai 2016 dan adakah ianya akan mengakibatkan pembuangan kerja

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tandas-tandas awam adalah merupakan tandas yang digunakan oleh orang awam, sama ada terletak di bangunan/premis milik kerajaan atau swasta. Jumlah tandas awam sehingga 21 Ogos 2014 adalah sebanyak 11,802 buah. Tandas milik kerajaan pusat adalah tandas yang terdapat di semua pejabat-pejabat kerajaan. Ianya diuruskan oleh jabatan kerajaan berkenaan. Kerja-kerja pembersihan/pencucian dilaksanakan sendiri ataupun diswastakan kepada syarikat-syarikat yang dilantik secara kontrak.

Terdapat sebanyak 2,620 tandas awam milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JENIS AWAM/TANDAS		JUMLAH
	BERKASIKAN	BATAMAN PARKIRAN	
JOHOR	159	162	321
KEDAH	116	91	207
KELANTAN	48	28	76

NEGERI	JUMLAH		JUMLAH
	PERENCANAAN	IMPLEMENTASI	
MELAKA	108	50	158
NEGERI SEMBILAN	121	25	146
PAHANG	118	64	182
PERAK	106	71	177
PERLIS	18	9	27
PULAU PINANG	29	54	83
SELANGOR	212	200	412
TERENGGANU	89	82	171
WILAYAH PERSEKUTUAN	70	104	174
SABAH	170	47	217
SARAWAK	194	75	269
<b>JUMLAH KESIHLAHAN DAN KEMAJUAN</b>		<b>2520</b>	

Bagi tandas-tandas awam milik PBT, kerja-kerja pembersihan/pencucian dilaksanakan oleh PBT atau diserahkan kepada syarikat-syarikat yang dilantik secara kontrak. Terdapat juga kerja-kerja pembersihan diberikan kepada individu yang mempunyai kriteria tertentu seperti ahli keluarga golongan termiskin atau ibu tunggal.

Berdasarkan dari data yang diperolehi hasil daripada pemeriksaan dan pemantauan oleh PBT tandas-tandas yang mendapat 5 bintang untuk

tahun 2013 dan 2014 adalah:

**2013 -** 356 tandas (3.4%) dari 10,533 tandas yang diperiksa.

**2014 -** 430 tandas (3.6%) dari 11,802 tandas yang diperiksa.

Kebersihan tandas awam bergantung kepada sikap pengguna yang menggunakannya. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi meningkatkan kebersihan tandas awam untuk keselesaan, kebersihan, selamat dan selesa kepada pengguna.

Berdasarkan Seksyen 3, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], bermula 1 September 2011 Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksekutif untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang menguatkuasakan Akta 672 iaitu Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor.

Berhubung isu pengambilalihan kerja pembersihan dan kesan kepada pekerja, Kementerian berpandangan sekiranya pengambilalihan aktiviti

pembersihan tandas awam PBT mulai 2016 dilaksanakan, ia tidak akan menjelaskan peluang kerja sedia ada di PBT, sebaliknya pekerja pembersihan tandas yang sedia ada akan diserap ke dalam kontrak dan tidak akan diberhentikan.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

April 2015